

23 SEP 2003

Rais-Mahathir

MAHATHIR, JURUBINA MALAYSIA MODEN, KATA RAIS

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah jurubina Malaysia moden yang "bertindak secara maraton mentabdir negara yang terserlah dengan tanda-tanda pembangunan yang begitu banyak", kata Menteri di Jabatan Perdana menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Menurut beliau, Dr Mahathir juga lebih daripada layak untuk digelar sebagai negarawan Asia.

"Bukan sahaja beliau telah bersyarah di merata dunia, beliau juga mempunyai penyokong di Dunia Ketiga dan usaha beliau memperjuangkan gagasan Selatan-Selatan mendapat penghormatan dan penghargaan," katanya.

Dr Rais berkata demikian semasa melancarkan Ensiklopedia Dr Mahathir Mohamad Perdana Menteri Malaysia bagi peringkat antarabangsa di Pusat Islam Universiti Oxford, England hari ini. Teks ucapannya dikeluarkan di sini.

Pelancaran tempatan ensiklopedia itu dilakukan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi di sini Ahad.

Dr Rais berkata Malaysia mendapat begitu banyak manfaat hasil daripada kepimpinan lebih dua dekad Dr Mahathir.

Perdana Menteri telah mengajak rakyat Malaysia mencapai tahap lebih tinggi dan menghadapi cabaran-cabaran baru dengan keyakinan jitu terhadap pepatah 'apa yang boleh dilakukan orang lain, kita boleh melakukannya dengan lebih'.

Dalam tekad mencapai kemerlangan, Dr Mahathir menjadi contoh menerusi kepimpinan melalui teladannya.

"Dr Mahathir bukan seseorang yang boleh disifatkan sebagai stereotaip. Berbagi tanggapan boleh dibuat...Berat mulut tetapi peramah. Pendiam tetapi mesra dan spontan," katanya.

Dr Rais berkata sebagai seorang doktor, Dr Mahathir tidak pernah berhenti melahirkan idea-idea produktif dan apabila timbul masalah, beliau akan mengambil pendekatan dan kaedah pengamal perubatan.

"Ubatnya mungkin pahit atau suntikan yang diberi menyakitkan tetapi ubat yang diberi akhirnya menyembuhkan," katanya.

Dr Rais berkata sebagai seorang yang pernah menjadi pengkritik Perdana Menteri, langkah Dr Mahathir melantiknya semula ke dalam kerajaan membuktikan "Dr Mahathir bukan pemimpin yang berdendam".

"Dr Mahathir secara terbuka telah menyatakan "tiada yang kekal dalam politik kecuali isu dan perjuangan," katanya.

Menyentuh tentang ensiklopedia yang mengandungi koleksi pandangan dan pemikiran Dr Mahathir mengenai pelbagai perkara seperti Islam, pembangunan dan pendidikan, Dr Rais berkata, sebenarnya banyak lagi aspek tentang pemikiran dan idea Perdana Menteri yang terkandung dalam pelbagai buku, majalah dan akhbar.

Beliau berkata sebuah perpustakaan khas perlu diwujudkan bagi mengumpulkan kesemuanya agar ia dapat dijadikan tempat kajian dan rujukan.

"Di Barat, kertas ucapan presiden dikumpul dan disimpan di perpustakaan khas walaupun seseorang presiden itu mungkin berkhidmat selama empat atau lapan tahun sahaja," katanya.

Beliau berkata dengan pelancaran ensiklopedia dalam bahasa Arab dan Inggeris itu di seluruh dunia, pemikiran dan sumbangan Dr Mahathir akan diketahui dengan lebih meluas di kalangan masyarakat dunia yang bertutur bahasa Arab dan Inggeris.

Ensiklopedia 10 jilid itu dihasilkan oleh empat penerbit, dua dari

Malaysia dan dua lagi dari Kaherah dan Beirut.

-- BERNAMA

HK AZZ MOZ